



JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA (JMG)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN TENDER

Tender terbuka adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan e-Perolehan *enabled* bagi bekalan/perkhidmatan di dalam bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran seperti berikut:

BIL.	NO. RUJUKAN DAN TAJUK TENDER	KELAYAKAN KOD BIDANG	TARIKH TUTUP TENDER
1.	JMG/04/2017(BPT) MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI MENTAULIAH DAN LATIHAN UNTUK SATU (1) UNIT SISTEM "GEOPHYSICAL EARTH MAGNETOTELLURIC SYSTEM"	100101 (SEMUA PERALATAN SUKATAN/UKURAN) ATAU 140501 (SISTEM ELEKTRONIK)	13 MAC 2017 (ISNIN) SEBELUM 12.00 TENGAHHARI

Petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah mendapatkan nombor rujukan yang dijana oleh Sistem e-Perolehan pada waktu pejabat mulai jam **12.00 tengah hari, 20 Februari 2017 (Isnin)** di alamat seperti berikut:

Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia,
Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Unit Pentadbiran,
Tingkat 1, Blok Zamrud, Jalan Sultan Azlan Shah,
31400 Ipoh, Perak

No rujukan akan dikeluarkan kepada wakil-wakil pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil pembekal hendaklah membawa **Surat Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan** yang masih berkuatkuasa serta salinan pendua.

Cadangan Teknikal dan cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem e-Perolehan sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada hari tutup tender. Dokumen manual yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Pentadbiran, Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, Tingkat 1, Blok Zamrud, Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak** sebelum 12.00 tengah hari pada hari tutup tender. Tawaran tender dalam Sistem e-Perolehan dan dokumen manual yang lewat diterima pada masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.

Iklan tender juga boleh diakses melalui laman web www.eperolehan.com.my dan www.jmg.gov.my